

20/11/1999

Gabungan mantap jamin BN menang

SEMUA calon Barisan Nasional (BN) termasuk Sabah dan Sarawak yang dipilih bertanding pada pilihan raya umum ke-10, sudah diumumkan. Calon baru, yang berpindah kawasan, yang dikekalkan, tidak dipilih semula mahu pun ditukar pada saat-saat akhir, sudah mengetahui kedudukan masing-masing. Beberapa perubahan dibuat dan ini suatu yang biasanya pada setiap kali pilihan raya umum. Pagi ini mereka mengemukakan nama di pusat pencalonan yang ditetapkan bagi merebut 193 kerusi Parlimen dan 349 Dewan Undangan Negeri. Tahniah kepada calon BN yang terpilih dan kita ucapkan selamat bertanding serta memperolehi kejayaan besar. Kita yakin mereka berkebolehan dan mampu memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

Pilihan raya kali ini menyaksikan ramai muka baru bertanding mewakili Umno, MCA, MIC, Gerakan atau parti lain atas tiket BN. Tiada tanda berlaku pergeseran dalam pembahagian kerusi atau pemilihan calon. Jika adapun sedikit rasa tidak puas hati ia berjaya diselesaikan. Seperti beberapa pilihan raya sebelumnya, adalah penting banyak muka baru diketengahkan manakala calon lama yang masih mampu berkhidmat dan mendapat tempat di hati pengundi, dikekalkan. Di kawasan yang dijangka berlaku pertarungan sengit, tokoh BN berpengalaman perlu diletakkan menghadapi parti lawan.

Kita yakin atas keperluan itu, beberapa Menteri, Timbalan Menteri dan Menteri Besar masih kekal dalam senarai walaupun bertukar tempat bertanding. Malah tokoh veteran politik dan mereka yang tetap setia kepada parti selepas terjerat dalam kegawatan politik semasa, masih mendapat tempat. Siapa pun tidak seharusnya mempertikaikan keputusan pucuk pemimpin kerana setiap yang dilakukan mempunyai asasnya dan dibincangkan secara mendalam. Bagaimanapun kita percaya, apabila tiba masa dan ketikanya, siapa juga calon pada pilihan raya kali ini akan mengundur diri untuk memberi laluan kepada barisan pelapis akan datang.

Gabungan muka lama dan baru yang ditonjolkan dalam setiap pilihan raya adalah satu perkembangan yang sihat. Selain masing-masing mahu menawarkan khidmat, ia juga menunjukkan keyakinan tidak berbelah-bahagi semua terhadap BN yang terbukti selama ini mampu menerajui negara. Disebabkan ramai yang menawarkan diri, tidak mungkin semua boleh dipilih atau dikekalkan menjadi calon. Beberapa kriteria terpaksa dibuat membolehkan hanya mereka yang terbaik menjadi pilihan. Sebagaimana ditegaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, kesetiaan kepada parti, kewibawaan sebagai pemimpin dan keupayaan untuk menang adalah kriteria utama pemilihan kira-kira 30 peratus calon baru BN kali ini.

Kriteria ini sangat berbeza dengan pembangkang. Pemilihan calon mereka berasaskan kemampuan individu itu menggembar-gemburkan sesuatu isu dan bukan kewibawaan. Soal fakta dan moral tidak langsung dipentingkan. Asalkan berani mencemuh kerajaan dan membakar sentimen rakyat, mereka dianggap calon yang boleh diketengahkan. Atas perbandingan itu jelas gabungan baru dan lama dalam BN kali ini begitu mantap berbanding pembangkang.

Bagi calon BN yang digugurkan, tidak bermakna kesetiaan terhadap parti mula diragukan manakala jasa mereka selama ini tidak lagi dihargai. Dengan memberi laluan, terbukti perjuangan mereka tulen, bukan semata-mata mahu menjadi wakil rakyat dan mencari kedudukan. Mereka akan lebih dihormati kerana sanggup memberi laluan kepada orang baru bagi membuktikan keupayaan kepemimpinan mereka. Sokongan padu orang lama bermakna mereka menyokong kesinambungan kepemimpinan negara. Sehubungan itu, kerja kuat menentukan

kemenangan calon baru mesti diteruskan sebagaimana mereka sendiri pernah dibantu ketika menghadapi pilihan raya sebelumnya. Siapa juga calon, tidak mengira parti yang mereka wakili asalkan dari BN, sokongan jitu mesti diberikan. Jika ini dapat dilaksanakan, BN bukan saja boleh memenangi pilihan raya kali ini dengan kelebihan majoriti dua pertiga, tetapi dapat melumpuhkan jentera pembangkang.

Rakyat Malaysia adalah masyarakat yang terlalu peka terhadap perubahan ke arah kebaikan. Sewajarnya calon yang tidak terpilih menerima hakikat bahawa perubahan perwakilan di kawasan mereka juga adalah satu proses perubahan. Perjuangan menyokong BN tidak boleh luntur dan jangan pula mengalih kiblat kepada parti pembangkang hanya kerana tidak dipilih. Sikap sedemikian akan menyebabkan rakyat melabel mereka pembelot dan pengkhianat. Ingat, perjuangan BN adalah untuk masa depan rakyat.

Kepada bakal Yang Berhormat, ini adalah ujian getir dan tidak mudah angkuh kerana terpilih menjadi calon. Jangan cepat lupa diri kerana kejayaan mereka adalah atas sokongan semua. Bertandinglah untuk kepentingan parti dan negara, bukan untuk diri sendiri.

(END)